



BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING

(PERMOHONAN BAHARU)

PERTAMA - Sebagai rujukan semasa urusan temuduga, sila pastikan anda membawa **DOKUMEN ASAL** bagi setiap salinan dokumen yang diperlukan.

KEDUA - **BORANG DAN SALINAN DOKUMEN-DOKUMEN** sokongan hendaklah dijilidkan menggunakan **COMB-BINDING MENGIKUT SUSUNAN SENARAI SEMAK** di bawah :-

a) DOKUMEN WAJIB

1.	Borang yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh pengarah atau majikan yang tersenarai berdasarkan senarai pengarah-pengarah syarikat yang terdapat di Borang 49 di bawah Akta Syarikat 1965 (AS1965) / Seksyen 58 di bawah Akta Syarikat 2016 (AS2016) yang terkini
2.	Dokumen-dokumen yang mempunyai salinan diakui sah secara digital (Digital Certified True Copy) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini seperti berikut: (a) Sijil Pembedaan Syarikat (Borang 9 di bawah AS1965 / Seksyen 17 di bawah AS2016) atau Sijil Pendaftaran Perniagaan di bawah Akta Perniagaan 1956; (b) Borang 49 di bawah AS1965 / Seksyen 58 di bawah Akta Syarikat 2016 (AS2016); (c) Borang Maklumat Pendaftaran Syarikat (Borang 49, 24,13 di bawah AS1965 / Seksyen 14 di bawah AS2016); dan (d) Profil Syarikat atau Profil Perniagaan. ATAU Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan senarai nama Ahli Lembaga Pengarah (Terkini dan disahkan oleh SKM)
3.	Salinan Kad Pengenalan Pemilik / Pengarah (Berdasarkan senarai pengarah-pengarah syarikat di dalam profil syarikat atau pemilik perniagaan dalam profil perniagaan yang terkini)
4.	Syarat-Syarat Bagi Wakil Syarikat / Koperasi: (a) Terdiri dari peringkat pengurusan syarikat / Koperasi (Eksekutif dan ke atas sahaja); (b) Nama tersenarai dalam Penyata Caruman KWSP yang lengkap (3 Bulan terkini berturutan); (c) Kad Pengenalan wakil syarikat; dan (d) Surat Perwakilan dari majikan (Ditandatangani oleh Pihak Pengarah atau Majikan tersenarai berdasarkan senarai pengarah-pengarah syarikat dalam profil syarikat atau pemilik perniagaan di dalam profil perniagaan yang terkini)
5.	Penyata Caruman KWSP yang lengkap 3 bulan terkini (Borang 'A' Tidak Dibenarkan) dan DISAHKAN oleh pihak KWSP berserta resit bayaran pengesahan
6.	Laporan Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun semasa atau setahun sebelumnya ATAU Akaun Pengurusan (Kunci Kira-Kira dan Penyata Untung Rugi) yang disahkan benar (<i>certified correct/certified true</i>) oleh Juruaudit yang bertauliah dan berdaftar dengan <i>Malaysian Institute of Accountants (MIA) @ Audit Firms (AF)</i> sahaja bagi Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Enterprise .
7.	Penyata Bank syarikat 3 bulan terkini ATAU Penyata Akaun Simpanan/Semasa Pemilik 3 bulan terkini bagi Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Enterprise . Salinan penyata bank/akaun yang dicetak secara online hendaklah DISAHKAN oleh pihak bank
8.	Sijil Perakuan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) bagi penggajian pekerja asing.*
9.	Memo Periksa Keluar (COM) bagi pekerja yang telah pulang atau/dan Laporan Pekerja Lari daripada Jabatan Imigresen Malaysia (Jika berkaitan).

b) DOKUMEN TAMBAHAN MENGIKUT SEKTOR

i. Sektor Perkilangan

1.	Lesen PBT dan Lesen / Kebenaran Agensi yang berkaitan (Menyatakan aktiviti cth: perkilangan/proses /buat/kerja-kerja kejuruteraan) Lesen MITI (bagi syarikat yang memiliki modal berbayar melebihi RM2.5 juta atau pekerja melebihi 75 orang) (sekiranya berkaitan); atau Lesen MPOB bagi kilang kelapa sawit; atau Lesen daripada Jabatan Hutan bagi kilang berasaskan produk perakyuan (sekiranya berkaitan)
2.	Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetamkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
3.	Gambar hadapan & dalam premis yang jelas, terang dan berwarna (termasuk papan tanda syarikat, pejabat, peralatan dan mesin serta produk akhir)
4.	Carta Aliran Proses Penghasilan Produk (bergambar dan berwarna) dan Jumlah Pekerja (tempatan, pekerja asing dan kekosongan) yang diperlukan di setiap tempat proses
5.	Borang K2/K8/ZB1 bagi 3 bulan terkini berserta resit rasmi kastam (Berturutan) (Jika Berkenaan)
6.	Ringkasan penyata jualan eksport (<i>direct export</i>) sebagai bukti eksport yang ditandatangani oleh pengarah yang tersenarai dalam form 49) (Jika Berkenaan) – Format boleh dimuat turun dari portal KDN

ii. Sektor Pembinaan

1.	Syarat tambahan bagi wakil syarikat yang hadir untuk temuduga: - Wakil syarikat hendaklah berjawatan pengurus ke atas sahaja
2.	Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih berkuatkuasa
3.	<i>Letter Of Award</i> / Kontrak Kerja yang masih lagi dalam tempoh pembinaan. (Projek hendaklah tidak kurang dari 3 bulan daripada tempoh/tarikh penyiapan semasa menghadiri temuduga)
4.	Cetakan maklumat projek yang telah dimaklumkan dalam Sistem CIMS CIDB bagi projek yang dimohon sahaja
5.	Resit Pembayaran Levi CIDB bagi projek yang sedang dilaksanakan (bagi sub-kontraktor, sila kemukakan salinan resit levi daripada kontraktor utama)

iii. Sektor Pertanian

1.	Sijil Kelahiran bagi tanah milik ibu bapa ATAU Sijil Nikah bagi tanah milik suami / isteri
2.	Geran Tanah bagi pengusaha yang mengusahakan tanah sendiri
3.	Perjanjian Sewa Pajak yang melebihi 3 tahun yang telah disetamkan dan Salinan Geran Pemilik Tanah yang disahkan oleh Pejabat Tanah dan Galian / Sijil Carian Rasmi
4.	Pendaftaran / Lesen yang berkaitan Sistem Kultur Laut / Ternakan Ayam / Itik / Burung (Unggas) / Ternak Khinzir daripada Negeri / Daerah
5.	Surat sokongan dan / atau Laporan Penilaian daripada Jabatan Pertanian / Perkhidmatan Veterinar / Perikanan daripada Negeri / Daerah bagi pengusaha yang menjalankan aktiviti tanaman / ternakan / akuakultur di tanah milik Kerajaan / Persendirian
6.	Surat Kebenaran daripada Pejabat Tanah dan Galian (Jika Berkenaan)

iv. Sektor Perladangan

1.	Sijil Kelahiran bagi tanah milik ibu bapa ATAU Sijil Nikah bagi tanah milik suami / isteri
2.	Geran Tanah bagi pengusaha yang mengusahakan tanah sendiri
3.	Perjanjian Sewa Pajak yang melebihi 3 tahun yang telah disetamkan dan Salinan Geran Pemilik Tanah yang disahkan (Tidak melebihi 1 tahun) oleh Pejabat Tanah dan Galian
4.	Surat Kebenaran daripada Pejabat Tanah dan Galian (Jika Berkenaan)
5.	Sijil Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) / Lembaga Getah Malaysia (LGM) / Lembaga Koko Malaysia (LKM)
6.	Penyata ringkasan lot tanah - Format penyata boleh dimuat turun di laman Portal KDN

v. Sektor Perlombongan dan Pengkuarian

1.	Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) / Surat Kelulusan Skim Kuari (SKSK) / Lesen Kecil Hutan (bagi kuari dalam Hutan Simpan) / Permit 4B/4C (bagi kuari yang tidak terikat dengan peraturan dan kaedah Kuari Negeri)
2.	Lesen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi Kontraktor
3.	Pajakan Melombong (PM) / Lesen Melombong Tuan Punya (LMTP) / Pajakan Kuari (PK) / Hakmilik Tanah / Lesen Pendudukan Sementara(LPS) dan lain-lain berkaitan pemilikan tanah berkenaan
4.	Surat Ikatan Perjanjian dengan pemilik / operator/ kontraktor yang masih berkuatkuasa dan dimatikan setem (jika berkenaan)
5.	Surat Pengesahan daripada Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
6.	Carta alir berkaitan proses kerja secara terperinci termasuk menyatakan keperluan pekerja asing di setiap proses yang berkaitan
7.	Carta organisasi syarikat serta maklumat peratusan pekerja tempatan dan pekerja asing sedia ada.

vi. Sektor Perkhidmatan

1.	Lesen Perniagaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
2.	Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetamkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
3.	Gambar hadapan dan dalam premis yang jelas, terang dan berwarna serta gambar aktiviti perniagaan (termasuk papan tanda syarikat, pejabat, peralatan dan mesin yang berkaitan)
4.	Penyata Bayaran Cukai Tahunan (Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Enterprise)
5.	<i>Letter Of Award</i> / Kontrak Kerja yang masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya 1 tahun & dimatikan setem mengikut nilai kontrak (Pembersihan & Pencucian)
6.	<i>Memorandum and Articles</i> (M&A) syarikat (Pembersihan & Pencucian)
7.	Menu Hidangan yang lengkap (Restoran)
8.	Pelan <i>Exit Policy</i> – unjuran penggunaan/pengurangan pekerja asing (Borong & Runcit)
9.	Surat Sokongan daripada Pihak Berkuasa Pelabuhan / Lapangan Terbang (Kargo- Lapangan Terbang & Pelabuhan)
10.	Dokumen kelulusan Pengendalian / Surat Tawaran Kerja / Surat Penggajian (Cth: Invois, Kontrak) (Kargo- Pelabuhan)

11.	Surat Setuju Terima (SST) yang diberikan dari mana-mana lima (5) Agensi Pihak Berkuasa yang dilantik (Kargo-Lapangan Terbang) seperti berikut: (a) Aero Darat Services Sdn. Bhd (b) Pos Aviation Sdn. Bhd. (c) MAB Kargo Sdn. Bhd. (d) Mlindo Airways Sdn. Bhd. (e) Ground Team Red Sdn. Bhd.
12.	Sijil Pengelasan Spa yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia (3 Bintang dan ke atas sahaja) (Spa – Juru Terapi Spa)
13.	Sijil Pengelasan Hotel yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia (1 Bintang dan ke atas sahaja) (Hotel – Housekeeping)
14.	Sijil Pengelasan Pusat Urutan Kaki yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia (<i>Gold dan Platinum</i>) (Pusat Urutan Kaki – Juru Urut Kaki)
15.	Dokumen Pengesahan daripada Akademi Kemahiran Belia Golf sebagai bukti majikan telah merujuk kepada AKBG untuk mendapatkan Kedi Tempatan (Golf – Kedi)

* Permohonan pengambilan pekerja asing hendaklah dilaksanakan melalui **SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)** di pautan <https://www.eppax.gov.my>

URUSAN KAUNTER KELULUSAN SETEMPAT PERMOHONAN PENGAMBILAN PEKERJA ASING:

TEMPAT :

Pusat Kelulusan Setempat (OSC) , Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri, Aras 5, Blok D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 PUTRAJAYA.

NO. TELEFON : 03-88852939 / 88852940

NO. FAKSIMILI : 03-88880367

WAKTU URUSAN KAUNTER BAGI TEMUDUGA:-

Isnin – Khamis : 8.30 pagi – 12.00 tengahari

Jumaat : 8.30 pagi – 11.00 pagi

JADUAL TEMUDUGA PERMOHONAN BAHARU PENGAMBILAN PEKERJA ASING:

BIL	SEKTOR	AGENSI KAWAL SELIA	HARI
1.	Perkilangan	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	Isnin - Jumaat
2.	Pembinaan	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Kementerian Kerja Raya (KKR)	Isnin - Khamis
3.	Perladangan	Kementerian Perindustrian Utama (MPI)	Isnin - Selasa
4.	Pertanian	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)	Selasa - Khamis
5.	Perlombongan dan Pengkuarian	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)	Jumaat
6.	Perkhidmatan:		
	Restoran	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	Isnin - Jumaat
	Pembersihan dan Pencucian		
	Borong dan Runcit		
	Pelancongan	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)	Jumaat
Pengendalian Kargo	Kementerian Pengangkutan (MOT)	Isnin - Khamis	

* Permohonan pengambilan pekerja asing hendaklah dilaksanakan melalui **SISTEM PENGURUSAN PEKERJA ASING BERSEPADU (ePPAx)** di pautan <https://www.eppax.gov.my>

TARIKH KEMASKINI : 11.10.2019